



KENYATAAN MEDIA CO-OPBANK PERTAMA
11 OKTOBER 2023

CBP PERKENAL SKIM PEMBIAYAAN COSTART BANTU KOPERASI KREDIT

1. Co-opbank Pertama (CBP) kini menawarkan skim pembiayaan CoStart sehingga RM1 juta ringgit kepada koperasi kredit yang baru ditubuhkan kurang dari tiga (3) tahun.
2. Skim ini bertujuan untuk menyediakan pembiayaan bagi modal pusingan aktiviti pembiayaan peribadi koperasi kepada anggotanya dengan syarat pembiayaan tersebut berlandaskan konsep Tawarruq sebagai kontrak pembiayaan.
3. "Menerusi skim ini, koperasi kredit baharu yang ditubuhkan kurang dari tiga (3) tahun yang mempunyai kod Potongan Biro Perkhidmatan ANGKASA (BPA) / Potongan Gaji Majikan (PGM) layak memohon. Skim ini merupakan satu inisiatif CBP seiring dengan peranan CBP sebagai sebuah bank koperasi dalam Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TRANSKOM) 2021 – 2025," kata Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Khairil Anuar Mohammad Anuar.
4. Sebagai permulaan, CBP memperuntukkan dana sebanyak RM10 juta bagi menjayakan skim ini yang mula dibuka bagi permohonan bermula 1 Oktober 2023 dengan pembiayaan minimum adalah RM300,000 dan maksimum sehingga RM1 juta dan tempoh pembiayaan sehingga 10 tahun.
5. "CBP amat komited untuk membantu gerakan koperasi di negara ini dan ini merupakan langkah yang diambil oleh CBP bagi memasyarakatkan koperasi dan secara tidak langsung dapat membantu memperkasakan gerakan koperasi," tambah beliau.
6. Maklumat lanjut mengenai skim CoStart boleh didapati dengan melayari laman web CBP di www.cbp.com.my.

-TERIMA KASIH-

Mengenai Co-opbank Pertama

Co-opbank Pertama (CBP) telah ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP telah diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Bank Negara Malaysia sebagai sebuah co-opbank. CBP mempunyai 30 buah cawangan dan outlet Ar Rahnu di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cbp.com.my.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Jabatan Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama

ukk@cbp.com.my

Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Khairil Anuar Mohammad Anuar

